

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk melihat jenis dan pola atau ragam ayat yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah rendah semasa menulis karangan Bahasa Malaysia. Sebanyak dua belas buah karangan digunakan sebagai sampel dalam kajian ini dihasilkan oleh dua orang pelajar darjah tiga dan dua orang pelajar darjah lima. Setiap subjek menghasilkan tiga buah karangan yang berbentuk fakta, naratif dan ekspositori.

4.1 Analisis Data

Dalam bab ini pengkaji akan menjawab soalan-soalan kajian seperti yang berikut:

- 4.1.1 Jenis ayat yang terdapat dalam karangan subjek darjah tiga.
- 4.1.2 Pola atau ragam ayat subjek darjah tiga.
- 4.1.3 Senarai ayat mengikut jenis daripada karangan darjah tiga.
- 4.1.4 Peratusan bagi jenis dan pola ayat subjek darjah tiga.
- 4.1.5 Jenis ayat yang terdapat dalam karangan subjek darjah lima.
- 4.1.6 Pola atau ragam ayat subjek darjah lima.
- 4.1.7 Senarai ayat mengikut jenis karangan darjah lima.
- 4.1.8 Peratusan bagi jenis dan pola ayat subjek darjah lima.
- 4.1.9 Perbezaan peratusan jenis dan pola ayat subjek darjah tiga dan lima.

Dalam proses menganalisis data, pengkaji telah membuat beberapa pengubahsuaian berhubung dengan jenis ayat. Pengubahsuaian itu adalah seperti di bawah:

- a) Ayat penyata, ayat aktif (transitif dan tak transitif) ayat tunggal dan ayat dasar diletakkan dalam satu senarai kerana jika dilihat dari segi struktur luaran ke empat-empat jenis ayat ini ayat penyata kerana ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberi keterangan tentang sesuatu hal. Begitu juga halnya ayat aktif, ayat dasar dan ayat tunggal semuanya merupakan ayat yang memberi keterangan tentang sesuatu. Selain itu alasan lain yang diberikan kenapa keempat-empat jenis ayat di atas diletakkan dalam satu senarai ialah kerana binaan ayat-ayat tersebut mempunyai satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Sekiranya ayat-ayat di atas mengandungi lebih daripada satu konstituen subjek atau lebih daripada satu konstituen predikat atau kedua-duanya sekali, maka ianya akan disenaraikan dalam ayat majmuk. Pengkaji telah memilih untuk menyenaraikan ayat penyata, ayat aktif (transitif dan tak transitif) ayat tunggal dan ayat dasar di bawah tajuk ayat tunggal kerana ianya terbina di atas satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat.
- b) Semua ayat majmuk pasif (ayat majmuk pasif pancangan relatif, ayat majmuk pasif pancangan komplimen, ayat majmuk pasif pancangan keterangan, ayat majmuk pasif kompleks dan ayat majmuk pasif gabungan) diletakkan dalam satu senarai kerana yang ingin dilihat oleh pengkaji ialah ayat majmuk pasif sahaja.

4.2 Jenis dan Pola Ayat Karangan Darjah Tiga

Jenis Ayat

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 1 tentang jenis dan pola ayat karangan darjah tiga.

Jadual 1

Jenis Ayat Darjah Tiga

Bil.	Jenis Ayat	Jumlah
i.	Ayat Tanya	3
ii.	Ayat Perintah	1
iii.	Ayat Seruan	-
	Jumlah	4

Berdasarkan Jadual 1 terdapat tiga ayat tanya, hanya satu ayat perintah dan tidak ada ayat seruan dalam karangan darjah tiga.

Pola Ayat

Pola ayat yang digunakan dalam karangan subjek darjah tiga terdapat dalam Jadual 2

Jadual 2

Pola Ayat Darjah Tiga

Bil.	Pola Ayat	Jumlah
i.	Ayat Tunggal	19
ii.	Ayat Tunggal Pasif	15
iii.	Ayat Majmuk Pasif	2
iv.	Ayat Majmuk Gabungan	4
v.	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	2
vi.	Ayat Majmuk Pancangan Komplimen	1
vii.	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	6
viii.	Ayat Kompleks	2
	Jumlah	51

Berdasarkan Jadual 2 terdapat sembilan belas ayat tunggal biasa dalam karangan darjah tiga. Ini merupakan pola ayat yang paling banyak digunakan berbanding dengan pola ayat lain. Manakala ayat tunggal pasif menjadi pilihan kedua terbanyak iaitu sebanyak lima belas ayat. Pola ayat yang kurang digemari oleh subjek darjah tiga ialah pola ayat majmuk terutama sekali ayat majmuk pancangan komplimen iaitu hanya satu ayat sahaja. Ayat majmuk pasif, ayat majmuk pancangan relatif dan ayat

kompleks juga tidak digemari oleh subjek darjah tiga kerana jumlah masing-masing dua ayat sahaja.

Senarai jenis dan pola ayat subjek darjah tiga adalah seperti di bawah:

a) Ayat Tanya

- i. Kenapa rakyat Malaysia mengutuk Mahathir?
- ii. Kenapa rakyat Malaysia membencinya?
- iii. Adakah anda kenal Alexander Graham Bell?

b) Ayat Perintah

- i. Hentikan mengutuk Mahathir.

Pola atau Ragam Ayat

a) Ayat Tunggal

- i) Mahathir adalah pemimpin negara kita.
- ii) Beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981.
- iii) Beliau berkhidmat dengan baik.
- iv) Mungkin fasal pemecatan TPM
- v) Saya kagum dengan kesabaran Dato Seri Mahathir Mohamad.
- vi) Mahathir sudah mendapat anugerah orang ke-2 terbijak di Benua Asia.
- vii) Telefon semakin berguna untuk zaman ke zaman.
- viii) Gunakanlah telefon dengan baik.
- ix) Aku adalah kasut but Adidas
- x) Begitulah asal-usulnya

- xi) Aku berharga RM159.
- xii) Kedai pun tutup.
- xiii) Tiba-tiba ada seorang pencuri masuk.
- xiv) Dia mencuri aku.
- xv) Aku rasa tidak muat saiz dengannya.
- xvi) Pada hari itu dia mencubaku.
- xvii) Dia mencipta alat pendengaran iaitu telefon.
- xviii) Dia pun mencipta alat berbunyi.

(b) Ayat Tunggal Pasif

- i) Saya telah dibeli oleh Azman Adnan pemain bola sepak dari Selangor.
- ii) Kali pertama saya dipakai pada sesi latihan.
- iii) Saya selalu dikilatkan oleh tuan saya.
- iv) Kawan-kawan saya iaitu kasut bola berjenama Lotto juga dikilatkan.
- v) Dua hari kemudian aku telah dihantar ke salah sebuah kedai sukan di Malaysia.
- vi) Di sana aku dipamerkan dalam sebuah almari kaca.
- vii) Tuan kedai itu menjual aku dengan harga RM128.00.
- viii) Mahathir sepatutnya dianugerahkan Perdana Menteri terbaik di dunia.
- ix) Aku dilahirkan di kilang Manchester Factory di England.
- x) Aku dinamakan UMBRO
- xi) Aku dieksport ke Malaysia bersama kawanku yang lain.
- xii) Aku dijual di Kedai Sukan Sport Stors.
- xiii) Aku dibeli oleh pemain bola sepak iaitu Zamri.

- xiv) Pada hari pertama aku tidak dibeli.
- xv) Aku sekali lagi dibuang oleh manusia.

(c) Ayat Majmuk Pasif

- i) Aku sebenarnya dikitar semula setelah aku dibuang oleh tuan aku yang lama dahulu.
- ii) Walaupun dia dimaki oleh rakyat Malaysia namun beliau tidak ambil apa-apa tindakan.

(d) Ayat Majmuk Gabungan

- i) Beliau telah mencipta Proton, Menara K.L dan Perodua serta banyak lagi.
- ii) Malah pada kali pertama dia mendengarnya dia sendiri tidak percaya.
- iii) Kawan sepasukannya memuji kecantikan dan keselesaanku.
- iv) Kini aku berusia satu tahun namun aku masih digunakan.

(e) Ayat Majmuk Pancangan Relatif

- i) Telefon ialah benda yang amat penting.
- ii) Telefon adalah sesuatu yang amat penting untuk kita.

(f) Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

- i) Walaupun semasa APEC, Al-Gore menyokong bekas TPM, namun tiada apa-apa baginya.
- ii) Dia menjaring lebih 100 gol apabila aku dipakai.

- iii) Sebenarnya dia mencipta telefon kerana ibunya pekak, setelah siap, dia menguji benda itu.
- iv) Jikalau ada orang meninggal dunia, bolehlah kita mendengar berita itu dengan pantas
- v) Setelah berjaya, dia menamakan benda itu telefon.
- vi) Setelah siap, dia menguji benda itu.

(g) Ayat Majmuk Pancangan Komplimen

- i) Mahathir sebenarnya tidak berniat untuk memecatnya.

(h) Ayat Kompleks

- i) Itulah kelebihan pemimpin kita bijak, sabar dan banyak idea.
- ii) Jikalau hanya pakai telefon dan tak tahu asal usul, lebih baik tak payah

Jadual 3

Peratusan Bagi Setiap Jenis dan Pola Ayat Subjek Darjah Tiga.

Bil	Jenis-jenis Ayat	%
i.	Ayat Tanya	5.4
ii.	Ayat Perintah	1.8
iii.	Ayat Seruan	0
	Pola-pola Ayat	~
i.	Ayat Tunggal	34.5

ii.	Ayat Tunggal Pasif	27.2
iii.	Ayat Majmuk Pasif	3.6
iv.	Ayat Majmuk Gabungan	7.2
v.	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	3.6
vi.	Ayat Majmuk Pancangan Komplimen	1.8
vii.	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	10.9
viii.	Ayat Kompleks	3.6
	Jumlah	100%

Berdasarkan Jadual 3 dapat dijelaskan bahawa subjek darjah tiga paling gemar menggunakan ayat tunggal dalam penulisan karangan iaitu 34.5%. Ini diikuti oleh penggunaan ayat tunggal pasif iaitu sebanyak 27.2%. Subjek darjah tiga kurang menggunakan pola ayat majmuk.

Antara pola ayat majmuk yang paling tinggi peratusannya iaitu ayat majmuk pancangan keterangan iaitu sebanyak 10.9%. Manakala pola ayat majmuk pancangan relatif, pancangan komplimen dan ayat kompleks peratusan penggunaannya kurang daripada lima peratus.

4.3 Jenis dan Pola Ayat Karangan Darjah Lima

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian tentang jenis dan pola ayat karangan darjah lima. Analisis data menunjukkan bahawa subjek darjah lima tidak menggunakan ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan dalam penulisan karangan.

Pola Ayat

Pola ayat yang digunakan dalam karangan subjek darjah lima terdapat dalam jadual 4.

Jadual 4
Pola Ayat Darjah Lima

Bil.	Pola @ Ragam Ayat	Jumlah
i.	Ayat Tunggal	6
ii.	Ayat Tunggal Pasif	7
iii.	Ayat Majmuk Pasif	17
iv.	Ayat Majmuk Gabungan	4
v.	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	2
vi.	Ayat Majmuk Pancangan Komplimen	2
vii.	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	2
viii.	Ayat Kompleks	22
	Jumlah	62

Berdasarkan Jadual 4 dapat dirumuskan bahawa subjek darjah lima paling banyak menggunakan ayat kompleks iaitu sebanyak 22 ayat. Ini diikuti pula oleh ayat majmuk pasif iaitu sebanyak 17 ayat. Penggunaan ayat tunggal biasa dan ayat tunggal pasif kurang digunakan oleh subjek darjah lima kerana masing-masing enam dan tujuh ayat daripada seluruh karangan. Subjek darjah lima juga tidak gemar menggunakan pola ayat majmuk pancangan relatif, komplimen dan keterangan kerana masing-masing terdapat dua bagi pola-

pola yang disebut di atas. Begitu juga ayat majmuk gabungan yang hanya terdapat empat ayat sahaja.

Senarai jenis dan pola ayat subjek darjah lima adalah seperti di bawah:

Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa subjek darjah lima tidak menggunakan jenis ayat tanya, perintah dan seruan dalam penulisan karangan mereka.

Pola Ayat

a) Ayat Tunggal

- i) Maka bermulalah episod baru dalam hidupku ini.
- ii) Tapakku juga sangat tebal.
- iii) Kasut itu adalah daripada jenama Adidas.
- iv) Beliau lahir pada 20 Disember 1925 di Alor Star, Kedah.
- v) Telefon biasa lazimnya terdapat di setiap rumah.
- vi) Kita hendaklah menggunakan rekaan Alexander Graham Bell sebaik mungkin.
- vii) Dua hari kemudian aku telah dihantar ke sebuah kedai sukan di Malaysia.
- viii) Di sana aku dipamerkan di dalam sebuah almari kaca.
- ix) Aku telah dibuang di dalam tong sampah.
- x) Aku diangkut dengan sebuah lori.
- xi) Pemimpin yang dimaksudkan ialah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.
- xii) Semoga dia diberkati Allah

b) Ayat Majmuk Pasif

- i. Badanku diperbuat daripada kulit yang bertahan lasak.
- ii. Kasut-kasut bola yang ingin dihantar termasuklah aku dengan kawan-kawannya.
- iii. Aku dilahirkan di sebuah negara yang terletak di Eropah.
- iv. Beberapa hari selepas aku dilahirkan, aku pun dibungkus dan diletakkan ke dalam suatu tempat yang gelap dan sempit.
- v. Setelah sampai, aku pun dikeluarkan dari dalam kotak itu dan dipamerkan di sebuah kedai sukan.
- vi. Kemudahan-kemudahan ini dicipta untuk memudahkan manusia berhubung dengan orang yang berada jauh daripada kita.
- vii. Telefon awam pula ditempatkan di kawasan perumahan, di pekan-pekan dan kawasan bandar untuk memudahkan orang ramai menggunakan walau di mana sahaja mereka berada.
- viii. Manakala telefon bimbit biasanya digunakan oleh orang-orang berada atau syarikat-syarikat di atas urusan pekerjaan.
- ix. Telefon kecemasan pula ditempatkan dilebuh-lebuh raya selang satu kilometer tanpa mengenakan bayaran untuk kegunaan kecemasan seperti kecelakaan jalan raya dan sebagainya.
- x. Telefon adalah salah satu alat komunikasi yang telah dicipta oleh Alexander Graham Bell.
- xi. Penggunaan alat-alat penciptaan sains dan teknologi ini akan digunakan untuk kemajuan dan kesetabilan ekonomi sesebuah negara.

- xii. Untuk menggunakan internet telefon diperlukan.
- xiii. Selain itu telefon juga telah dicipta tanpa wayar untuk dibawa ke mana-mana sahaja seperti telefon bimbit.
- xiv. Setiap insan di dalam dunia ini pasti atau ada mempunyai seseorang yang dikagumi atau dijadikan idola.
- xv. Maka tidak hairanlah beliau dikagumi lain
- xvi. Berbagai-bagai kejayaan telah ditempa oleh negara kita sejak dipimpin oleh Datuk Seri Mahathir Mohamad.

c) **Ayat Majmuk Gabungan**

- i. Dia telah membeli dan membawa aku balik ke rumahnya.
- ii. Pada suatu hari aku terdengar perbualan di antara ketua kilang dan pengurus pemasaran.
- iii. Pada suatu hari, ada seorang pemuda bernama Eric Woo.
- iv. Antaranya ialah telefon biasa, telefon awam, telefon bimbit dan telefon kecemasan.

d) **Ayat Majmuk Pancangan Relatif**

- i. Badanku diperbuat daripada kulit yang tahan lasak.
- ii. Aku adalah sepasang kasut bola yang berkualiti tinggi.

e) **Ayat Majmuk Pancangan Komplimen**

- i. Mereka berkata bahawa syarikat cawangan dari Malaysia ingin mengimport kasut-kasut bola.
- ii. Pada setiap pagi Sabtu, Eric akan membawa aku untuk pergi bermain bola bersama kawan-kawannya.

f) **Ayat Majmuk Pancangan Keterangan**

- i. Kami berasa sangat gembira kerana akan dihantar ke Malaysia.
- ii. Eric tidak lagi mahu menggunakan aku kerana aku sudah buruk.

g) **Ayat Kompleks**

- i. Aku sepasang kasut bola yang berjenama Nike dan berasal dari Amerika Syarikat.
- ii. Kasut-kasut bola yang ingin dihantar termasuklah aku dengan kawan-kawanku.
- iii. Setiap pelanggan yang keluar dan masuk ke kedai itu memuji kecantikanku.
- iv. Bersyukur kepada tuhan kerana Eric menjaga aku dengan baik serta membersihkan aku setiap kali selepas menggunakan aku.
- v. Dia juga menyimpanku di tempat yang selesa dan bersih.
- vi. Setelah bertahun-tahun lamanya, aku berkhidmat kepada Eric, rupaku semakin hodoh, badanku koyak dan tapakku hampir tercabut.
- vii. Dia juga telah membeli sepasang kasut bola yang baru dan lebih cantik dariku.
- viii. Kasut itu berasa megah kerana kecantikkannya dan selalu menghinaku.

- ix. Setelah beberapa bulan aku tidak digunakan oleh tuanku Eric, akhirnya dia mengambil keputusan untuk membuangku dan aku telah dibuang di dalam tong sampah.
- x. Datuk Seri Dr. Mahathir ialah pemimpin yang berkarisma dan berdidikasi.
- xi. Beliau mula bergiat dalam lapangan politik pada tahun 1950-an dan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 18 Julai 1981.
- xii. Pemerintahan beliau yang berdisiplin dan berwawasan telah membawa era baru kepada corak pemerintahan negara kita.
- xiii. Hasilnya negara kita telah berjaya menindustrikan perusahaan kereta Proton pada tahun 1985 dan diikuti dengan Perodua.
- xiv. Beliau juga berusaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang termaju di dunia dengan membina Universiti Islam Antarabangsa yang menjadi tumpuan mahasiswa dan mahasiswi beragama Islam dari seluruh pelusuk dunia.
- xv. Malaysia juga telah berjaya menjadi tuan rumah Sukan Komanwel yang ke-19 pada tahun lalu dan berjaya menganjurkan temasya gilang gemilang itu serta mendapat pujian dari seluruh dunia dengan saranan dan galakkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menganjurkan sukan yang kedua terbesar di dunia.
- xvi. Pembangunan yang pesat dan pemikiran manusia yang semakin kreatif telah menyebabkan berbagai jenis telefon dicipta untuk kemudahan manusia.
- xvii. Beliau juga tabah menghadapi kegawatan ekonomi dan politik yang cuba dicetuskan oleh spekulator mata wang asing dan individu-individu yang tidak senang dengan keamanan dan kejayaan Malaysia.

- xviii. Oleh itu, kita seharusnya mengenang jasa beliau kerana tanpa beliau, mungkin negara Malaysia tidak akan mengecapi kejayaan dan kemajuan sekarang ini.
- xix. Di dunia yang serba canggih sekarang ini, berbagai cara untuk berkomunikasi antara satu sama lain.
- xx. Antaranya dengan menggunakan telefon, internet dan alat kelui.
- xi. Telefon merupakan alat untuk berhubung yang sangat berguna dan boleh digunakan tidak kira jarak jauh atau dekat.
- xxii. Sebagai mengenang jasa beliau, kita seharusnya menggunakan telefon dengan betul walaupun rekaannya kini berubah-ubah.

Jadual 5

Peratusan bagi Setiap Jenis dan Pola Ayat Subjek Darjah Lima

Bil	Pola @ Ragam	%
i.	Ayat Tunggal	9.6
ii.	Ayat Tunggal Pasif	11.29
iii.	Ayat Majmuk Pasif	27.4
iv.	Ayat Majmuk Gabungan	6.4
v.	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	3.2
vi.	Ayat Majmuk Pancangan Komplimen	3.2
vii.	Ayat Majmuk Keterangan	3.2
viii.	Ayat Kompleks	35.48
	Jumlah	100%

Berdasarkan Jadual 5 dapat dirumuskan bahawa Subjek darjah lima paling gemar menggunakan ayat kompleks dalam penulisan karangan iaitu sebanyak 35.48%. Ini diikuti pula oleh pola ayat majmuk pasif iaitu sebanyak 27.4%. Selain daripada ayat majmuk pasif, ayat tunggal pasif juga agak banyak digunakan iaitu sebanyak 11.29%. Pola ayat majmuk lain seperti ayat majmuk gabungan hanya menyumbang 6.4%. Manakala ayat majmuk pancangan relatif, komplimen dan keterangan masing-masing menyumbangkan hanya 3.2%.

4.4 Perbezaan Jenis dan Pola Ayat Yang Digunakan oleh Subjek Darjah Tiga dan Lima.

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 3 iaitu berhubung dengan perbezaan jenis dan pola ayat yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan subjek.

Jadual 6

Peratusan Perbezaan Jenis dan Pola Ayat Yang Digunakan Oleh Subjek Darjah Tiga dan Lima

Bil	Jenis-jenis Ayat	Peratusan %	
		Darjah 3	Darjah 5
i.	Ayat Tanya	5.4	0
ii.	Ayat Perintah	1.8	0
iii.	Ayat Seruan	0	0
	Pola @ Ragam Ayat		
i.	Ayat Tunggal	34.5	9.6

ii.	Ayat Tunggal Pasif	27.2	11.29
iii.	Ayat Majmuk Pasif	3.6	27.4
iv.	Ayat Majmuk Gabungan	7.2	6.4
v.	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	3.6	3.2
vi.	Ayat Majmuk Pancangan Komplimen	1.8	3.2
vii.	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	3.6	35.48
	Jumlah	100%	100%

Berdasarkan Jadual 5 dapat dibandingkan peratus penggunaan jenis dan pola ayat subjek darjah tiga dan subjek darjah lima dalam penulisan karangan. Dalam ketiga-tiga jenis karangan iaitu jenis fakta, naratif dan ekspositori, tidak satu pun jenis ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang digunakan oleh subjek darjah lima tetapi ayat tanya dan ayat perintah ada sedikit digunakan oleh subjek darjah tiga iaitu sebanyak 5.4% dan 1.8%. Penggunaan pola ayat yang pelbagai dapat dilihat dalam karangan dua kumpulan subjek ini. Jadual lima menunjukkan subjek darjah tiga banyak menggunakan pola ayat tunggal sama ada ayat tunggal biasa atau ayat tunggal pasif kerana ianya menyumbang sebanyak 61.7% daripada seluruh karangan manakala subjek darjah lima hanya menggunakan 20.9% ayat tunggal biasa dan pasif. Ini bermakna subjek darjah tiga menggunakan pola ayat tunggal tiga kali ganda berbanding subjek darjah lima. Sebaliknya subjek darjah lima lebih banyak menggunakan ayat majmuk iaitu sebanyak 78.9% berbanding pola ayat majmuk yang digunakan oleh subjek darjah tiga iaitu 30.7%. Ini bermakna subjek darjah lima menggunakan pola ayat majmuk lebih daripada sekali ganda jumlah yang digunakan oleh subjek darjah tiga.

Pola ayat kompleks merupakan pola ayat yang paling banyak peratus penggunaannya oleh subjek darjah lima iaitu 35.48% sebaliknya ayat kompleks merupakan salah satu pola ayat yang tidak digemari oleh subjek darjah tiga kerana peratus ayat kompleks darjah tiga hanya 3.6% iaitu peratusan yang sama dengan ayat majmuk pasif, ayat majmuk pancangan relatif dan ayat majmuk pasif. Pola ayat majmuk gabungan, pancangan keterangan adalah pola ayat yang sedikit sahaja digunakan oleh kedua-dua kumpulan subjek.